

12/7/82 12 JUL 1982

CABAR HADAPI CABARAN

Berdisiplin, belajar semua ilmu — PM

JITRA, Ahad — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad malam tadi menegaskan betapa pentingnya umat Islam mendisiplinkan diri serta gigh dalam mencari ilmu pengetahuan.

"Ini patut disadari jika orang-orang Islam mahu menjadi satu umat yang berjaya dan disegani oleh bangsa-bangsa lain", katanya ketika merasmikan majlis Nuzul Quran di Kampung Tualang Palas, kira-kira 4 km dari sini.

Perdana Menteri berkata, umat Islam perlu membuat persiapan dari sekarang jika ingin menghadapi cabaran-cabaran masa depan yang lebih besar.

"Umat Islam mesti sanggup belajar segala ilmu supaya dapat menguasai ilmu-ilmu itu bagi mempertahankan kedaulatan agama, bangsa dan negara.

Datuk Seri Dr. Mahathir menarik

perhatian bahawa kejadian penindasan umat-umat Islam di beberapa negara patut menyedarkan umat Islam yang lain betapa penting mereka menjadi umat yang kuat dan disegani.

"Jika orang-orang bukan Islam di negara-negara lain boleh maju dalam berbagai bidang, umat Islam juga boleh maju asalkan mereka sanggup menuntut ilmu", tegasnya.

Bellau berkata, ilmu adalah hak semua bangsa di dunia dan manamana bangsa boleh menguasainya jika sanggup menuntutnya walaupun mengambil masa sedikit.

Datuk Seri Dr. Mahathir menyeru umat Islam di negara ini supaya berusaha dari sekarang untuk memperbaiki taraf hidup mereka serta meningkatkan ilmu pengetahuan di segala bidang.

Bellau yakin umat Islam di negara ini mempunyai semangat yang kuat seperti bangsa-bangsa lain dalam usaha menghadapi cabaran yang lebih

besar.

Katanya, oleh kerana umat Islam lemah, mereka tidak dapat berbuat apa-apa apabila ditindas oleh musuh seperti yang berlaku di Lebanon di mana orang Islam diceroohi dengan ganas oleh Yahudi.

Menurut Perdana Menteri, dengan keangpuhan dan ketabahan untuk mempelajari semula ilmu itu tidak mustahil satu hari nanti umat Islam akan mengatasi Yahudi kerana kepanduan bukanlah monopoli mereka sahaja.

Bellau berkata, jika anak-anak muda Islam hari ini mendisiplinkan diri dan benar-benar mempelajari ilmu peperangan moden, lambat laun mereka dapat mengatasi kelemahan itu.

Katanya, bangsa Yahudi berusaha selama 1400 tahun untuk menduduki negara mereka sekarang.

Oleh kerana umat Islam lemah, mereka melihat sahaja Yahudi melakukan kekejaman terhadap umat Islam seperti di Lebanon.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, peristiwa Yahudi menentang dan menceraikan orang Islam seperti yang dilihat baru-baru ini, amatlah menyedihkan dan ini patut menjadi pengajaran kepada umat Islam.

No. Siri 2892
No. Penerimaan 637/15